

Majlis Berbuka Puasa Bersama Pemimpin Pelajar UMS

UB 14.6.2018 B2



WARGA JHEP mengambil kesempatan mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri.



WARGA JHEP dan pemimpin pelajar UMS yang hadir dalam majlis itu.



USTAZ Razali Saibin menyampaikan tazkirah.

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Pemimpin Pelajar UMS bertempat di Bilik Seminar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar universiti itu pada Rabu.

Majlis diserikan dengan Tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Al-Ustaz Razali Saibin yang dijemput khas dari Pusat Islam UMS.

Bacaan doa berbuka puasa dipimpin oleh Al-Ustaz Razali Saibin setelah menyampaikan Tazkirah Ramadan pada majlis berkenaan.

Majlis itu dihadiri oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Ahmad Nurdin, para pengetua serta felo Kolej Kediaman.

Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Dr Ismail Ali dan seluruh warga JHEP mengucapkan Salam Ramadan Al-Mubarak dan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.



MAJLIS berbuka puasa bersama pemimpin pelajar.



HADIRIN mendengar tazkirah Ramadan yang disampaikan sebelum majlis berbuka



ANTARA yang hadir di majlis itu.